

Pekerja limbungan bunuh rakan sekerja dipenjara 30 tahun dan 12 sebatan

SIBU: Mahkamah Tinggi di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara 30 tahun berserta 12 sebatan ke atas seorang pekerja limbungan kapal yang didapati bersalah atas pertuduhan membunuh rakan sekerjanya, dua tahun lepas.

Hakim Wong Siong Tung yang menjatuhkan hukuman itu turut memerintahkan tertuduh, Muh Sakkar Arakee menjalani hukuman penjara itu berkuat kuasa daripada tarikh ditangkap iaitu 15 Oktober 2022.

Sakkar didakwa membunuh Hapil Jalam pada 14 Oktober 2022, antara jam 10.30 malam dan 11 malam di rumah pekerja di Zon Perindustrian Pembinaan Kapal di Bandar Baru Tanjung Manis, Sarikei.

Bagi pertuduhan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman mati atau penjara sehingga 40 tahun, dari jika tidak dijatuhkan hukuman mati, boleh dikenakan hukuman minimum 12 sebatan jika sabit kesalahan.

Wong dalam penghakimannya berkata, setelah menimbangkan dan menilai semua keterangan yang dikemukakan oleh saksi pendakwaan semasa perbicaraan dan pada penutupan kes pendakwaan, beliau mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya mewujudkan kes prima facie terhadap tertuduh.

Tertuduh yang memilih untuk memberi keterangan bersumpah tanpa memanggil saksi lain mendakwa dia bertindak demikian bagi mempertahankan diri, selain hilang kawalan diri akibat provokasi daripada mangsa serta pergaduhan yang berlaku secara tiba-tiba dan tanpa perancangan.

Pekerja limbungan bunuh rakan sekerja dipenjara 30 tahun dan 12 sebatan

» Dari Muka 1

Mahkamah bagaimanapun menolak keterangan tertuduh yang disifatkan tidak konsisten, bercanggah atau tidak selari dengan kenyataan yang dibuatnya.

“Setelah mempertimbangkan keterangan semua saksi yang dipanggil oleh pihak pendakwaan serta keterangan tertuduh dalam perbicaraan ini, mahkamah tidak mendapati keraguan munasabah berhubung kesalahan tertuduh atas pertuduhan yang didakwanya,” ujar Wong.

Berdasarkan penemuan utama, Muh Sakkar pada 14 Oktober 2022 kira-kira jam 8 malam, selepas selesai bekerja mendakwa menyertai rakan-rakannya di bilik rakannya untuk minum bir.

Dia juga membawa badik Bugis dalam poket kiri jaket yang dipakainya.

Dia kemudiannya ingin ketandas lantas meninggalkan jaket itu di bilik rakannya.

Selepas keluar dari tandas, tertuduh duduk di meja di luar bilik rakannya untuk berehat apabila melihat mangsa yang duduk di meja kira-kira tujuh meter darinya menjeling ke arahnya.

Tertuduh beranggapan mangsa tidak berpuas hati akan sesuatu dan berniat untuk mencabarnya.

Tertuduh kemudian masuk ke dalam bilik rakannya dan memakai jaket yang mengandungi badik itu dan kembali ke meja di luar.

Semasa dia duduk, dia melihat mangsa berjalan ke arahnya.

Apabila mangsa berada kira-kira tiga meter dan berasakan mangsa berniat melakukan sesuatu terhadapnya, tertuduh bangun dari kerusi dan mara ke arah mangsa sebelum berlaku konfrontasi.

Tertuduh ditumbuk berhampiran mata kirinya oleh mangsa dan sebagai tindak balas, tertuduh bertindak menikam mangsa.

Mangsa kemudiannya rebah di atas lantai sementara tertuduh melarikan

diri dari tempat kejadian dan bersembunyi di dalam hutan berhampiran sehingga keesokan harinya sebelum menyerah diri kepada polis.

“Setelah menganalisis keterangan tertuduh dan keterangan semua saksi semasa perbicaraan, mahkamah ini mendapati keterangan tertuduh mengenai kejadian itu meragukan.

“Mahkamah tidak percaya dakwaan tertuduh bahawa dia cuba mengelak pelanggaran ketika dia menghampiri si mati yang sedang mara ke arahnya.

“Tambahan pula, mahkamah tidak percaya dakwaan tertuduh bahawa apabila bertembung dengan si mati, dia tersenyum,

perlahan-lahan meletakkan tangannya di bahu si mati, dan bertanya dalam bahasa Bugis ‘ada apa ini?’ dengan niat untuk menenangkan mangsa,” katanya.

Wong juga berkata, beliau tidak percaya tertuduh mempunyai niat baik apabila menghampiri si mati sambil membawa badik dalam jaketnya.

Beliau berkata, dakwaan bahawa tertuduh bertujuan mahu menenangkan si mati, memastikan punca kemarahannya dan menyelesaikan sebarang isu antara mereka adalah tidak meyakinkan.

“Sekiranya tertuduh benar-benar berniat untuk berdamai dengan si mati, kemungkinan besar dia tidak akan terus duduk dan tinggal di tempatnya apabila melihat si mati menghampiri, sebaliknya dia berdiri dan mara ke arah mangsa dengan membawa badik dalam jaket.

“Melalui tingkah laku tertuduh, jelas dia ingin bertempur atau bergaduh dengan si mati, mewujudkan peluang menggunakan badik yang dibawanya, bukannya mengelak seperti yang digambarkan dalam keterangannya di mahkamah,” ujarnya.

Muh Sakkar diwakili peguam Ranbir Singh, sementara pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mark Kenneth Netto.